

Tahap Penguasaan Kemahiran Komunikasi Bahasa Arab dalam kalangan Pelajar di Sekolah Menengah Agama di Daerah Kuala Muda, Kedah Darul Aman

Level of Mastery of Arabic Language Communication Skills among Students in Religious Secondary Schools in Kuala Muda District, Kedah Darul Aman

Noor Amrina Rosyada Mohd Sofar
Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris,
35900 Tanjong Malim, Perak, Malaysia

Received: 12 May 2023 **Revised:** 10 Sept 2023 **Accepted:** 10 Oct 2023 **Published:** 31 Dec 2023

To Cite this Article (APA) : Mohd Sofar, N. A. R. (2023). Level of Mastery of Arabic Language Communication Skills among Students in Religious Secondary Schools in Kuala Muda District, Kedah Darul Aman. *SIBAWAYH Arabic Language and Education*, 4(2), 89–100. <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol4.2.8.2023>

To link to this article: <https://doi.org/10.37134/sibawayh.vol4.2.8.2023>

Abstrak: Komunikasi amat penting dalam memastikan maklumat dapat disampaikan dengan tepat. Walaubagaimanapun, kemahiran komunikasi dalam bahasa Arab dalam kalangan pelajar masih menjadi isu dalam kalangan sarjana. Oleh itu, kajian ini mengkaji tahap penguasaan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar di salah sebuah sekolah menengah agama di daerah Kuala Muda, Kedah. Kajian ini mengkaji dari aspek motivasi pelajar dalam berkomunikasi bahasa Arab, faktor yang menyebabkan kekurangan kosa kata, peranan guru dalam meningkatkan kemahiran berkomunikasi pelajar. Kajian ini merupakan kajian kuantitatif, menggunakan soal selidik sebagai instrumen utama. Kajian itu melibatkan 80 peserta yang dipilih melalui persampelan rawak mudah. Data di analisis secara diskriptif dengan menggunakan perisian IBM SPSS. Hasil kajian menunjukkan motivasi memainkan peranan penting dalam usaha pelajar untuk mempelajari bahasa Arab, dengan penekanan yang kuat terhadap menghafal kosa kata kata dan sikap positif terhadap bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, cabaran seperti kekurangan mempraktis dalam kehidupan seharian dan ketakutan terhadap kesilapan tatabahasa menghalang keupayaan komunikasi pelajar. Kedua, kajian mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kekurangan kosa kata bahasa Arab, dengan keperluan guru untuk merangsang minat pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab adalah yang paling ketara. Ini menunjukkan bahawa strategi pengajaran yang berkesan, termasuk pendekatan yang kreatif dan menarik, adalah penting dalam menggalakkan pembelajaran bahasa. Kajian ini menyumbang kepada literatur sedia ada mengenai tahap komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar dan mendedahkan hasil dapatan baharu dari sudut pandang pelajar berkaitan kesukaran dalam berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Kata Kunci: Bahasa Arab, kemahiran komunikasi, motivasi, strategi pembelajaran, Sekolah Menengah Agama

Abstract: Communication is very important in ensuring that information can be delivered accurately. However, communication skills in Arabic among students is still an issue among scholars. Therefore, this study examines the level of mastery of Arabic language communication skills among students in one of the religious secondary schools in Kuala Muda

district, Kedah. This study examines from the aspect of students' motivation in communicating in Arabic, the factors that cause lack of vocabulary, the role of teachers in improving students' communication skills. This study is a quantitative study, using a questionnaire as the main instrument. The study involved 80 participants selected through simple random sampling. Data were analyzed descriptively using IBM SPSS software. The results of the study show that motivation plays an important role in students' efforts to learn Arabic, with a strong emphasis on memorizing vocabulary and a positive attitude towards the language. However, challenges such as lack of practice in daily life and fear of grammatical mistakes hinder students' communication ability. Second, the study identified factors that influence the lack of Arabic vocabulary, with the need for teachers to stimulate students' interest in communicating in Arabic being the most significant. This shows that effective teaching strategies, including creative and engaging approaches, are important in promoting language learning. This study contributes to the existing literature on the level of Arabic language communication among students and reveals new findings from the students' point of view related to difficulties in communicating in Arabic.

Keywords: *Arabic language, communication skills, motivation, learning strategies, Religious High School*

Pengenalan

Komunikasi ialah hubungan yang wujud antara manusia melalui media bahasa dan juga media lain. Dalam komunikasi melalui bahasa, orang berkomunikasi dalam perbualan dan juga melalui bahasa tertulis. Komunikasi antara manusia merupakan aktiviti perseorangan dan berkumpulan. Aktiviti perseorangan bermula dengan idea daripada penutur yang dipindahkan melalui kaedah komunikasi kepada penerima dan akhirnya terjadi proses komunikasi secara berkumpulan (Ghani & Wan Daud, 2023). Komunikasi juga merupakan proses yang saling berkaitan dengan melibatkan empat pembentuk asas, iaitu perutusan (risalah), penghantar, cara dan penerima.

Penguasaan bahasa komunikasi merupakan penguasaan pada taraf yang paling tinggi kerana ia merupakan penguasaan dalam pembentukan ayat (Noradzimah et al., 2021). Kemuncak keupayaan berbahasa itu terletak kepada kebolehan membentuk ayat-ayat yang unggul dan sempurna mengikut sistem nahu. Kemahiran komunikasi bukan sahaja terletak pada keupayaan membentuk ayat secara gramatik tetapi berupaya menggunakan bahasa itu dalam konteks sosial, wacana dan strategi dengan betul (Ramli et al, 2019). Kemahiran komunikasi bukan sahaja menuntut supaya mahir dalam tatabahasa dan kosa kata tetapi juga mahir dalam peraturan bertutur. Sebagai contoh, penutur tahu waktu yang sesuai untuk memulakan percakapan apa tajuk yang sesuai dan bagaimana memulakannya.

Dari segi aspek komunikasi pula, terdapat kumpulan aktiviti yang memerlukan seseorang itu menggunakan bahasa. Aspek komunikasi bagi setiap individu berbeza dengan individu yang lain berdasarkan perbezaan persekitaran, situasi kehidupan, ciri individu, kefasihan berbahasa sebagai alat komunikasi, kadar masa komunikasi dan faktor-faktor perbezaan lain dalam bidang komunikasi bahasa (Zaini et al, 2019). Secara umum, aspek komunikasi itu berkisar dalam konteks yang antara lainnya bertujuan untuk membentuk hubungan sosial, memberi respon terhadap sesuatu perkara, menyembunyikan niat dan perasaan, meminta dan memberi maklumat, mengajar melakukan sesuatu, menyelesaikan masalah, membincang satu idea, menggembirakan perasaan orang lain dan lain-lain lagi. Tahap kecekapan berbahasa dalam sesuatu bahasa mempunyai hubungan dengan tahap penggunaan bahasa dalam konteks kehidupan seseorang (Aman Shah et al., 2021). Komunikasi secara

efektif dan berhemah perlu disemai agar pelajar dapat berhadapan dengan pelbagai lapisan masyarakat dengan rasa yakin serta berupaya memenuhi keperluan kerjaya di masa depan.

Tahap penguasaan kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Arab di kalangan pelajar sekolah menengah adalah sangat lemah (Zaini et al., 2019). Hal ini kerana, kebanyakan para pelajar tidak dapat menguasai kemahiran berkomunikasi dalam bahasa Arab disebabkan oleh perasaan takut melakukan kesalahan dan takut dipersendakan oleh kawan-kawan mereka sendiri. Ini kerana para pelajar tidak menjadikan bahasa Arab itu sebagai bahasa utama dalam kehidupan seharian mereka. Dengan perkataan lain, mereka tidak mempraktikkan penggunaan bahasa Arab dalam hubungan sesama mereka. Pernyataan ini disokong oleh hasil dapatan kajian Aluwi dan Ghani (2023) mendapati pelajar yang mempunyai asas bahasa Arab di peringkat menengah menganggap kemahiran komunikasi bahasa Arab ini mudah, manakala pelajar yang menganggapnya sukar adalah pelajar yang tidak mempunyai asas bahasa Arab sebelumnya. Dalam hal ini, pelajar menganggapnya ia merupakan perkara yang mudah namun tidak mempraktikkan komunikasi dalam bahasa Arab dan menyebabkan tahap penguasaan kemahiran komunikasi dalam bahasa Arab secara umum adalah dalam tahap yang masih rendah (Anuar, 2019). Secara khususnya, kemahiran komunikasi menjadi aspek yang amat penting dalam penguasaan bahasa Arab.

Latar Belakang Kajian

Bahasa Arab adalah bahasa yang kaya dengan perbendaharaan kata, kepelbagaian bahasa, wazan perkataan yang membawa maksud yang pelbagai dan mempunyai peradaban sastera yang sangat unik cabang kajiannya (Siti Salwa et al, 2021). Malaysia telah mengisytiharkan agama Islam sebagai agama rasmi negara dan telah menjadikan kurikulum bahasa Arab sebagai salah satu subjek yang diajar di sekolah rendah dan menengah serta institusi pengajian tinggi swasta dan awam (Siti Salwa et al, 2021). Bertitik tolak dari itu, kurikulum bahasa Arab telah dibangunkan untuk memenuhi keperluan para penuntut ilmu di semua peringkat pendidikan di seluruh negara. Antara kemahiran abad ke-21 yang perlu dikuasai oleh guru dan pelajar ialah melibatkan kemahiran pembelajaran dan inovasi (*learning and innovation skills*), kemahiran maklumat, media dan teknologi (*information, media and technology skills*), serta kemahiran hidup dan kerjaya (*life and caree skills*) (Nor Izzati, 2019).

Tujuan utama kurikulum bahasa Arab diperkenalkan di Malaysia umumnya adalah untuk membolehkan pelajar menguasai empat kemahiran bahasa Arab iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis. Kurikulum Standard Sekolah Menengah, (DSKP, 2016) juga telah menetapkan objektif pembelajaran dan pengajaran mata pelajaran bahasa Arab ialah untuk melahirkan pelajar yang mampu bertutur dalam pelbagai konteks dan situasi dengan sebutan yang fasih. Selain itu, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) juga berhasrat untuk melahirkan pelajar yang mempunyai kecekapan komunikatif hasil daripada pembelajaran bahasa Arab di peringkat menengah selama beberapa tahun.

Kemahiran berkomunikasi sangat penting untuk dikuasai oleh semua pelajar demi keperluan kerjaya mereka pada masa hadapan (Ab Rahman et al. 2019; Ngadiman & Jamaludin 2018) Kemahiran berkomunikasi merupakan kemahiran bahasa yang paling banyak digunakan dalam kehidupan seharian manusia berbanding kemahiran menulis. Kemahiran berkomunikasi adalah cerminan jiwa kerana melaluinya manusia melontarkan buah fikiran dan menyampaikan emosi secara lisan (Anuar, 2019). Malah kemahiran komunikasi sering digandingkan bersama kemahiran mendengar dalam mempelajari sesuatu bahasa. Sebagai alat komunikasi, bahasa tidak dapat dipisahkan daripada kehidupan manusia, ini kerana bahasa merupakan sesuatu yang penting dalam kehidupan terutama dalam berhubungan dengan sesama manusia dimana manusia merupakan “mahluk sosial”.

Kesimpulannya, pelbagai kaedah pengajaran dan pembelajaran bahasa asing telah diperkenalkan dan digunakan, antaranya adalah kaedah nahu terjemahan, kaedah bacaan, kaedah audio-lingual dan sebagainya. Kaedah yang boleh digunakan untuk kemahiran komunikasi adalah kaedah aktif komunikatif (KAK), merupakan salah satu kaedah pembelajaran bahasa Arab yang menyepadukan antara kaedah aktif dan juga kaedah komunikatif. Kaedah ini memberi penekanan kepada keaktifan berkomunikasi dalam kalangan pelajar baik di dalam kelas mahupun di luar kelas. Keaktifan di sini bermaksud membiasakan diri untuk sentiasa berkomunikasi dalam bahasa Arab bila masa dan di mana sahaja berada baik sesame rakan, guru mahupun pengetua sekolah (Heru Saiful, 2015). Kecekapan akan dikuasai jika kita sering berlatih, dalam hal ini bahasa dikaji dari sudut rangsangan dan gerak balas.

Metodologi

Kajian kuantitatif ini menggunakan tsoal selidik sebagai instrumen utama untuk mengkaji tahap komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar di salah sebuah sekolah menengah agama di daerah Kuala Muda, Kedah. Sampel kajian terdiri daripada 80 orang peserta yang dipilih melalui persampelan rawak mudah. Soal selidik tinjauan direka bentuk berdasarkan item skala Likert untuk menilai persetujuan peserta. Soal selidik telah diedarkan kepada para peserta, yang dimaklumkan tentang tujuan kajian dan memastikan kerahsiaan jawapan mereka. Pengumpulan data berlaku dalam tempoh tiga minggu, dan respons telah disusun untuk analisis. Dalam menganalisis data, statistik deskriptif seperti frekuensi, peratusan, min, dan sisihan piawai digunakan untuk merumuskan respons peserta terhadap setiap item tinjauan. Statistik ini membantu dalam mengenal pasti motivasi pelajar, faktor yang mempengaruhi kosa kata, dan peranan guru dalam menarik minat pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab.

Dapatan Kajian

Pada bahagian ini, pengkaji membincangkan mengenai hasil analisis data terhadap tahap penguasaan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama di daerah Kuala Muda, Kedah berlandaskan item-item soalan yang dibina. Hasil data-data yang dianalisis secara deskriptif akan dipaparkan dalam bentuk jadual dimana ia melibatkan aspek kekerapan, peratusan, skor min dan sisihan piawai. Hal ini adalah untuk memudahkan pengkaji melakukan proses penghuraian mengikut item-item soalan yang dibina. Selain itu, penggunaan skala dalam soal selidik membantu pengkaji mengetahui kekerapan bagi setiap item soalan. Pengkaji telah menggunakan skala likert iaitu “Sangat Tidak Setuju – STS”, “Tidak Setuju – TS”, “Tidak Pasti - TP”, “Setuju – S”, “Sangat Setuju – SS”.

Jadual 1: Motivasi Pelajar dalam Mempelajari Bahasa Arab

Soalan	Skala Likert					Min	SP
	STS	TS	TP	S	SS		
Saya memasuki sekolah agama kerana minat untuk belajar berkomunikasi dalam bahasa Arab	2 (2.5%)	5 (6.3%)	0 (0%)	37 (46.3%)	36 (45%)	4.31	0.805
Saya tiada keyakinan untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab kerana takut kesalahan nahu sorf	5 (6.3%)	15 (18.8%)	30 (37.5%)	19 (23.8%)	11 (13.8%)	3.20	1.095

Saya suka mendengar lagu dalam bahasa Arab	1 (1.3%)	2 (2.5%)	10 (12.5%)	35 (43.8%)	32 (40%)	4.19	0.843
Saya malu untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab di khalayak ramai	6 (7.5%)	17 (21.3%)	31 (38.8%)	17 (21.3%)	9 (11.3%)	3.08	1.088
Saya sering berkomunikasi dengan rakan-rakan dalam bahasa Arab ketika berada di sekolah	1 (1.3%)	13 (16.3%)	30 (37.5%)	31 (38.8%)	5 (6.3%)	3.33	0.868
Saya sukar berkomunikasi dalam bahasa Arab kerana kurang kosa kata perkataan bahasa Arab	1 (1.3%)	12 (15%)	22 (27.5%)	27 (33.8%)	18 (22.5%)	3.61	1.037
Saya sukar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab kerana kurang mempraktikkan dalam perbualan harian	1 (1.3%)	11 (13.8%)	21 (26.3%)	27 (33.8%)	20 (25%)	3.68	1.041
Saya suka menonton drama dalam bahasa Arab	4 (5%)	17 (21.3%)	28 (35%)	22 (27.5%)	9 (11.3%)	3.19	1.057
Saya cuba menghafal kosa kata bahasa Arab untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab	0 (0%)	1 (1.3%)	5 (6.3%)	34 (42.5%)	40 (50%)	4.41	0.669

Berikut merupakan jadual bagi kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai bagi tahap penguasaan kemahiran komunikasi bahasa Arab dari aspek motivasi. Jadual 1 menunjukkan kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai bagi tahap penguasaan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama di daerah Kuala Muda, Kedah. Berdasarkan Jadual tersebut, pernyataan “Saya cuba menghafal kosa kata bahasa Arab untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab” memperoleh nilai min tertinggi iaitu sebanyak 4.41 dan nilai sisihan piawai ialah 0.669. Seramai 40 responden (50%) memilih sangat setuju dan 34 responden (42.5%) memilih setuju untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih tidak pasti (5 orang bersamaan 6.3%), tidak setuju adalah sekitar 1 orang (1.3%) dan sangat tidak setuju iaitu 0 orang atau 0%.

Bagi pernyataan “Saya memasuki Agama kerana minat untuk belajar berkomunikasi dalam bahasa Arab”, nilai min dan sisihan piawai ialah 4.31 dan 0.805. Seramai 37 responden (46.3%) memilih setuju dan 36 responden (45%) memilih sangat setuju untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih tidak setuju (5 orang bersamaan 6.3%), tidak setuju iaitu 1 responden (0.9%). Manakala bagi pernyataan “Saya suka mendengar lagu dalam bahasa Arab”, nilai min dan sisihan piawai ialah 4.19 dan 0.843. Seramai 35 responden (43.8%) memilih setuju dan 32 responden (43.8%) memilih sangat setuju untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih tidak pasti (10 orang bersamaan 12.5%), tidak setuju adalah 2 responden atau 2.5% dan sangat tidak setuju iaitu 1 responden (1.3%).

Bagi pernyataan “Saya sukar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab kerana kurang mempraktikkan dalam perbualan harian”, nilai min dan sisihan piawai ialah 3.68 dan 1.041. Seramai 27 responden (33.8%) memilih setuju dan 21 responden (26.3%) memilih tidak pasti untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih sangat setuju (20 responden bersamaan 25%), tidak setuju mencatatkan 11 responden yakni 13.8% dan sangat

tidak setuju iaitu 1 responden (1.3%). Bagi pernyataan “Saya sukar berkomunikasi dalam bahasa Arab kerana kurang kosa kata perkataan bahasa Arab”, nilai min dan sisihan piawai ialah 3.61 dan 1.037. Seramai 27 responden (33.8%) memilih setuju dan 22 responden (27.5%) memilih tidak pasti untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih sangat setuju (18 orang bersamaan 22.5%), tidak setuju dan sangat tidak setuju iaitu masing-masing 12 responden (15%) dan 1 responden (1.3%).

Bagi pernyataan “Saya sering berkomunikasi dengan rakan-rakan dalam bahasa Arab ketika berada di sekolah”, nilai min dan sisihan piawai ialah 3.33 dan 0.868. Seramai 31 responden (38.8%) memilih setuju dan 30 responden (37.5%) memilih tidak pasti untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih tidak setuju (13 orang bersamaan 16.3%), sangat setuju iaitu 5 responden (6.3%) diikuti sangat tidak setuju yang memaparkan 1 responden atau 1.3%. Bagi pernyataan “Saya tiada keyakinan untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab kerana takut kesalahan nahu sorf”, nilai min dan sisihan piawai ialah 3.20 dan 1.095. Seramai 30 responden (37.5%) memilih tidak pasti dan 19 responden (23.8%) memilih setuju untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih tidak setuju (15 orang bersamaan 18.8%), sangat setuju adalah 11 responden atau 13.8% dan sangat tidak setuju iaitu 5 responden (6.3%).

Bagi pernyataan “Saya suka menonton drama dalam bahasa Arab”, nilai min dan sisihan piawai ialah 3.19 dan 1.057. Seramai 28 responden (35%) memilih tidak pasti dan 22 responden (27.5%) memilih setuju untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih tidak setuju (17 responden bersamaan 21.3%), sangat setuju mencatatkan 9 responden yakni 11.3% dan sangat tidak setuju iaitu 4 responden (5%). Bagi pernyataan “Saya sukar berkomunikasi dalam bahasa Arab kerana kurang kosa kata perkataan bahasa Arab”, nilai min paling rendah dan sisihan piawai ialah 3.08 dan 1.088. Seramai 31 responden (38.8%) memilih tidak pasti dan 17 responden (21.3%) memilih setuju dan tidak setuju untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih sangat setuju (9 orang bersamaan 6%), sangat tidak setuju iaitu 6 responden (7.5%).

Kesimpulannya, hasil analisis data terhadap tahap penguasaan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama di daerah Kuala Muda, Kedah menunjukkan item yang paling tinggi ialah pada soalan saya cuba menghafal kosa kata bahasa Arab untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab. Jumlah min ialah 4.41 manakala jumlah sisihan piawai 0.669.

Jadual 2: Faktor Mempengaruhi Kurangnya Kosa Kata Bahasa Arab Dalam Kalangan Pelajar

Soalan	Skala Likert					Min	SP
	STS	TS	TP	S	SS		
Guru kurang menerangkan apa yang tidak difahami pelajar dalam bahasa Arab	26 (32.5%)	34 (42.5%)	9 (11.3%)	7 (8.8%)	4 (5%)	2.11	1.114
Guru tidak menggunakan idea yang kreatif ketika melaksanakan pengajaran di dalam kelas	23 (28.7%)	33 (41.3%)	11 (13.8%)	10 (12.5%)	3 (3.8%)	2.21	1.110
Guru meminta pelajar membuat pembentangan	0 (0%)	5 (6.3%)	9 (11.3%)	40 (50%)	26 (32.5%)	4.09	0.830

menggunakan bahasa Arab di dalam kelas							
Guru tidak menggunakan teknik pengajaran yang efektif ketika pembelajaran bahasa Arab	12 (15%)	35 (43.8%)	23 (28.7%)	7 (8.8%)	3 (3.8%)	2.42	0.978
Guru menggunakan ungkapan <i>lughatul fasl</i> bentuk larangan dan perintah dalam bahasa Arab	0 (0%)	0 (0%)	26 (32.5%)	35 (43.8%)	19 (23.8%)	3.91	0.750
Guru kurang mempraktikkan pelajar bertutur dalam bahasa Arab	13 (16.3%)	33 (41.3%)	21 (26.3%)	10 (12.5%)	3 (3.8%)	2.46	1.030
Guru perlu peka terhadap cara pembelajaran pelajar dalam bahasa Arab yang lebih sesuai	0 (0%)	1 (1.3%)	11 (13.8%)	39 (48.8%)	29 (36.3%)	4.20	0.719
Guru perlu menarik minat pelajar untuk berani berkomunikasi dalam bahasa Arab	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	41 (51.2%)	39 (48.8%)	4.49	0.503
Guru perlu mewajibkan pelajar menghafal kosa kata bahasa Arab	0 (0%)	0 (0%)	6 (7.5%)	36 (45%)	38 (47.5%)	4.40	0.628

Pada bahagian ini, pengkaji membincangkan mengenai hasil analisis data terhadap faktor mempengaruhi kurangnya kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Jadual 2 menunjukkan kekerapan, peratus, skor min dan sisihan piawai bagi faktor mempengaruhi kurangnya kosa kata bahasa Arab dalam kalangan pelajar. Berdasarkan Jadual tersebut, pernyataan “Guru perlu menarik minat pelajar untuk berani berkomunikasi dalam bahasa Arab” memperoleh nilai min tertinggi iaitu sebanyak 4.49 dan nilai sisihan piawai ialah 0.503. Seramai 41 responden (51.2%) memilih setuju dan 39 responden (48.8%) memilih setuju untuk pernyataan ini. Bagi pernyataan “Guru perlu mewajibkan pelajar menghafal kosa kata bahasa Arab”, nilai min dan sisihan piawai ialah 4.40 dan 0.628. Seramai 38 responden (47.5%) memilih sangat setuju dan 36 responden (45%) memilih setuju untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih tidak pasti (6 orang bersamaan 7.5%). Bagi pernyataan “Guru perlu peka terhadap cara pembelajaran pelajar dalam bahasa Arab yang lebih sesuai”, nilai min dan sisihan piawai ialah 4.20 dan 0.719. Seramai 39 responden (48.8%) memilih setuju dan 29 responden (36.3%) memilih sangat setuju untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih tidak pasti (11 orang bersamaan 13.8%), tidak setuju adalah 1 responden atau 1.3%.

Bagi pernyataan “Guru meminta pelajar membuat pembentangan menggunakan bahasa Arab di dalam kelas”, nilai min dan sisihan piawai ialah 4.09 dan 0.830. Seramai 40 responden (50%) memilih setuju dan 26 responden (32.5%) memilih sangat setuju untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih tidak pasti (9 responden bersamaan 11.3%), tidak setuju mencatatkan 5 responden yakni 6.3%. Bagi pernyataan “Guru menggunakan ungkapan *lughatul fasl* bentuk larangan dan perintah dalam bahasa Arab”, nilai min dan sisihan piawai ialah 3.91 dan 0.750. Seramai 35 responden (43.8%) memilih setuju dan 26 responden (32.5%) memilih tidak pasti untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih sangat setuju (19 orang bersamaan 23.8%).

Bagi pernyataan “Guru kurang mempraktikkan pelajar bertutur dalam bahasa Arab”, nilai min dan sisihan piawai ialah 2.46 dan 1.030. Seramai 33 responden (41.3%) memilih tidak setuju dan 21 responden (26.3%) memilih tidak pasti untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih sangat tidak setuju (13 orang bersamaan 16.3%), setuju iaitu 10 responden (12.5%) diikuti sangat setuju yang memaparkan 3 responden atau 3.8%. Bagi pernyataan “Guru tidak menggunakan teknik pengajaran yang efektif ketika pembelajaran bahasa Arab”, nilai min dan sisihan piawai ialah 2.42 dan 0.978. Seramai 35 responden (43.8%) memilih tidak setuju dan 23 responden (28.7%) memilih tidak pasti untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih sangat tidak setuju (12 orang bersamaan 15%), setuju adalah 7 responden atau 8.8% dan sangat setuju iaitu 3 responden (3.8%).

Bagi pernyataan “Guru tidak menggunakan idea yang kreatif ketika melaksanakan pengajaran di dalam kelas”, nilai min dan sisihan piawai ialah 2.21 dan 1.110. Seramai 33 responden (41.3%) memilih tidak setuju dan 23 responden (28.7%) memilih sangat tidak setuju untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih tidak pasti (11 responden bersamaan 13.8%), setuju mencatatkan 10 responden yakni 12.5% dan sangat setuju iaitu 3 responden (3.8%). Bagi pernyataan “Guru kurang menerangkan apa yang tidak difahami pelajar dalam bahasa Arab”, nilai min paling rendah dan sisihan piawai ialah 2.11 dan 1.114. Seramai 34 responden (42.5%) memilih tidak setuju dan 26 responden (32.5%) memilih sangat tidak setuju dan tidak pasti menunjukkan sekitar 9 responden menyamai 11.3% untuk pernyataan ini. Walaubagaimanapun, ada juga responden yang memilih setuju (7 orang bersamaan 8.8%), sangat setuju iaitu 4 responden (5%).

Kesimpulannya, hasil dapatan terhadap faktor yang mempengaruhi kurangnya kosa kata bahasa arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama di daerah Kuala Muda, Kedah menunjukkan item yang paling tinggi dapatannya ialah pada soalan guru perlu menarik minat pelajar untuk berani berkomunikasi dalam bahasa Arab. Jumlah min ialah 4.49 manakala jumlah sisihan piawai 0.503.

Jadual 3: Peranan Guru Dalam Menarik Minat Pelajar Untuk Belajar Berkomunikasi Dalam Bahasa Arab

Soalan	Skala Likert					Min	SP
	STS	TS	TP	S	SS		
Saya minat belajar bertutur dalam bahasa Arab kerana bahasa Arab adalah bahasa syurga	0 (0%)	0 (0%)	2 (2.5%)	21 (26.3%)	57 (71.3%)	4.69	4.41
Saya selalu tidak berkomunikasi dalam bahasa Arab di dalam kelas kerana malu diketawakan kawan-kawan	8 (10%)	28 (35%)	23 (28.7%)	8 (10%)	13 (16.3%)	2.88	1.226
Guru menyediakan kamus kosa kata bahasa Arab untuk pelajar menghafal kosa kata tersebut	0 (0%)	0 (0%)	6 (7.5%)	35 (43.8%)	39 (48.8%)	4.41	0.630

Jadual 3 menunjukkan kekerapan, peratus, skor minimum, dan sisihan piawai bagi peranan guru dalam menarik minat pelajar SMA Pekan Gurun untuk belajar berkomunikasi dalam bahasa Arab. Berdasarkan jadual tersebut, pernyataan “Saya berminat untuk belajar

berbahasa Arab kerana bahasa Arab adalah bahasa syurga” memperoleh skor minimum dan sisihan piawai yang tertinggi iaitu 4.69 dan 4.41. Seramai 57 responden (71.3%) memilih sangat setuju dan 21 responden (26.3%) memilih setuju untuk pernyataan ini. Namun begitu terdapat juga responden yang memilih tidak pasti iaitu 2 orang (2.5%). Bagi responden yang memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju, masing-masing memperoleh 0 responden (0%).

Bagi pernyataan “Saya selalu tidak berkomunikasi dalam bahasa Arab di dalam kelas kerana malu ditertawakan oleh rakan-rakan”, markah minimum dan sisihan piawai ialah 2.88 dan 1.226. Seramai 8 orang responden (10%) memilih setuju dan 13 orang responden (16.3%) memilih sangat setuju untuk pernyataan ini. Namun begitu, terdapat juga responden yang memilih tidak pasti (23 orang, 28.7%), tidak setuju, dan sangat tidak setuju, masing-masing seramai 28 orang responden (35%) dan 8 orang responden (10%). Bagi pernyataan “Guru menyediakan kamus kosa kata Arab untuk pelajar menghafal kosa kata tersebut”, skor minimum dan sisihan piawai ialah 4.41 dan 0.630. Seramai 35 orang responden (43.8%) memilih setuju dan 39 orang responden (48.8%) memilih sangat setuju untuk pernyataan ini. Namun begitu, terdapat juga responden yang memilih tidak pasti (6 orang, 7.5%). Bagi responden yang memilih sangat tidak setuju dan tidak setuju, masing-masing memperoleh 0 responden (0%).

Kesimpulannya, dapatan mengenai peranan guru dalam menarik minat pelajar SMA Pekan Gurun untuk belajar berkomunikasi dalam bahasa Arab menunjukkan bahawa item pemarkahan tertinggi ialah pernyataan “Saya berminat untuk belajar berbahasa Arab kerana bahasa Arab adalah bahasa syurga. ". Jumlah markah minimum ialah 4.69, manakala jumlah sisihan piawai ialah 4.41.

Perbincangan

Secara amnya, bahasa dipelajari untuk tujuan komunikasi. Pembelajaran bahasa Arab di Malaysia turut menekankan kepentingan aspek ini apabila mata pelajaran bahasa Arab komunikasi diwujudkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia di peringkat rendah dan menengah. Pendidikan bahasa Arab di peringkat sekolah menengah lebih memberi fokus kepada komunikasi dengan meletakkan kemahiran komunikasi sebagai kemahiran kedua selepas kemahiran mendengar. Kemahiran komunikasi merupakan satu kemahiran bahasa yang sukar dicapai. Antara sebabnya ialah pelajar takut sekiranya percakapan mereka tidak difahami dan takut melakukan kesalahan (Aluwi & Ghani, 2023). Dalam dapatan kajian ini, jelas dapat dilihat pelajar kurang mampu kemahiran komunikasi bahasa Arab disebabkan mereka malu bercakap dan takut melakukan kesalahan dalam membina ayat pertuturan (Muhammad et al., 2021). Masalah keyakinan diri seringkali dihadapi oleh pelajar dalam kajian ini.

Oleh itu, pelajar seharusnya berfikir positif bagi mengurangkan ketegangan yang dihadapi semasa berkomunikasi dalam bahasa Arab. Bersikap negatif terhadap bahasa tersebut ternyata menjadi permasalahan lazim bagi segelintir pelajar bahasa Arab di Malaysia. Kosa kata merupakan elemen yang penting dalam membina ayat dan komunikasi. Menurut pandangan Ghani dan Wan Daud (2023) pelajar perlu lebih berusaha untuk menguasai kosa kata bahasa Arab supaya dapat membantu dalam pembelajaran dan menguasai komunikasi dengan baik. Penguasaan kosa kata yang luas dapat memberikan sumbangan kepada bahasa yang cantik penyusunan dari segi tatabahasanya dalam komunikasi. Pelajar yang menguasai kosa kata yang terhad akan menghadapi kesukaran dalam mencapai penguasaan dalam pembelajaran. Menurut Zaini et al. (2019), penguasaan kosa kata yang realistik bukan sahaja dapat memudahkan pelajar untuk memahami teks-teks yang dibaca bahkan mampu mewujudkan satu situasi komunikasi yang baik serta mampu memperkembangkan potensi

bahasanya. Dalam dapatan kajian ini, didapati bahawa bagi setiap item soalan yang diberikan kepada pelajar untuk memilih skala yang ditetapkan kebanyakannya memilih tidak pasti. Hal ini kerana, pelajar masih tidak dapat menguasai pembelajaran bahasa Arab mereka dengan baik.

Sehubungan dengan itu, guru sebaiknya mengambil berat ke atas elemen-elemen yang berkaitan dengan penguasaan kosa kata bahasa Arab bagi membantu pelajar dapat komunikasi dengan baik (Siti Salwa et al., 2021). Bukan hanya mengajar semata-mata tetapi pelbagaikan kreativiti dan aktiviti berdasarkan tahap penguasaan kosa kata bahasa pelajar dan keselesaan pelajar. Guru merupakan faktor utama menjadi penentu tingkah laku belajar di kalangan pelajar. Semakin berkualiti pengajaran, semakin meningkat kemahuan belajar. Guru memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran ke arah memupuk minat dan pencapaian pelajar (Samah et al., 2020). Selain itu, guru juga merupakan antara individu yang paling dekat dengan pelajar yang seharusnya memikul tanggungjawab yang besar dalam usaha meningkatkan kualiti pendidikan bahasa Arab di Malaysia serta mengembalikan pendidikan bahasa Arab setaraf dengan keistimewaan dalam sistem pendidikan negara. Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah diutarakan mencerminkan bahawa pencapaian pelajar adalah berkait rapat dengan kualiti guru bahasa Arab yang sedia ada (Manap et al., 2022).

Kajian Ghani dan Wan Daud (2023), mendapati bahawa guru dapat meningkatkan minat pelajar melalui pelbagai rangsangan seperti nada yang berubah-ubah, bahan bantu mengajar yang menarik, permainan dan sebagainya. Melalui cara ini guru akan dapat meningkatkan minat pelajar dan rasa ingin tahu pelajar terhadap pengajarannya (Parimala, 2022). Selain itu, pelajar yang mendapat motivasi daripada guru biasanya akan menjadi lebih berminat yang seterusnya dapat membantu proses pencapaian objektif pembelajaran. Secara kesimpulannya menyatakan bahawa kualiti guru berkait rapat dengan kemampuan guru mempengaruhi pelajar dalam pembelajaran ke arah yang lebih positif. Justeru itu, kualiti berkenaan merupakan kebolehan kognitif dan verbal guru. Oleh yang demikian, mereka berpendapat bahawa dua aspek tersebut merupakan faktor kualiti guru yang boleh menarik minat pelajar terhadap komunikasi secara dalam bahasa Arab (Aluwi & Ghani, 2023). Ia juga boleh disifatkan sebagai pengajaran yang baik. Kesimpulannya, guru memainkan peranan penting bagi melahirkan pelajar yang berdedikasi dan berwibawa pada masa hadapan. Hal ini kerana, guru merupakan model kepada pelajar di sekolah dan sekali gus pelajar akan mencontohi sikap model yang ditunjukkan kepada mereka (Ramli et al, 2019).

Kesimpulan

Kajian mengenai penguasaan kemahiran komunikasi bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Agama di daerah Kuala Muda, Kedah, mendedahkan beberapa penemuan utama. Pertama, motivasi memainkan peranan penting dalam usaha pelajar untuk mempelajari bahasa Arab, dengan penekanan yang kuat terhadap menghafal kosa kata dan sikap positif terhadap bahasa tersebut. Walau bagaimanapun, cabaran seperti kekurangan mempraktis dalam kehidupan seharian dan ketakutan terhadap kesilapan tatabahasa menghalang keupayaan komunikasi pelajar. Kedua, kajian mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi kekurangan kosa kata bahasa Arab, dengan keperluan guru untuk merangsang minat pelajar untuk berkomunikasi dalam bahasa Arab adalah yang paling ketara. Ini menunjukkan bahawa strategi pengajaran yang berkesan, termasuk pendekatan yang kreatif dan menarik, adalah penting dalam menggalakkan pembelajaran bahasa. Secara keseluruhan, dapatan kajian ini memberikan data kepada para pendidik dan penggubal dasar untuk meningkatkan pendidikan

bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama, akhirnya memupuk kecekapan dan keyakinan yang lebih tinggi dalam komunikasi bahasa Arab di kalangan pelajar.

Penghargaan

Para penulis merakamkan ucapan terima kasih dan penghargaan kepada semua yang menyumbang untuk kajian ini secara langsung dan tidak langsung.

Konflik Kepentingan

Tiada konflik kepentingan dalam kajian ini.

Rujukan

- Aluwi, A. M. & Abdul Ghani, M. T. (2023). Penguasaan Kosa Kata Terhadap Penulisan Bahasa Arab dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Agama Khairiah: Kajian daripada Perspektif Guru [Vocabulary Mastery of Arabic Language Writing Among Khairiah Religion Secondary School Students: A Study from The Teacher's Perspective], *Sains Insani*, 8(2), 294-303.
- Aman Shah, S. A., Zamri, M., & Mohammed Azlan, M. (2021). Masalah Penulisan Karangan Bahasa Melayu dalam Kalangan Murid Bukan Penutur Natif di Sekolah Rendah. *Konvensyen Bahasa Melayu 2021* (p. 19). IPG Kampus Bahasa Melayu: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Anuar, S. (2019). Kemahiran Menulis Bahasa Arab: Analisa Kelemahan Pelajar UITM Melaka. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 2(7), 58-65.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran*. (2016). Kementerian Pendidikan Malaysia: Bahagian Pembangunan Kurikulum.
- Ghani, M. T. A., & Wan Daud, W. A. (2023). The Impact Of Digital Game-Based Learning Towards Arabic Language Communication. *Jurnal Komunikasi: Malaysian Journal of Communication*, 39(1), 407-424. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2023-3901-23>
- Manap, N. A., Ag. Damit, S., Abas, A., & Kassim, N. (2022). Tahap Penguasaan Literasi Bahasa Arab Dalam Kalangan Masyarakat Awam Di Sabah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 5 (17), 33-40.
- Muhammad, M. F., Ramli, S. B., Ghani, M. T. A., Mohamad, A. N., & Mohd Fauzi, M. S. N. (2021). Kerangka Konsep Modul Pengajaran Bahasa Arab Untuk Tujuan Teknologi [Conceptual Framework Of Arabic Language Teaching Modules For Technological Purposes]. *Sains Insani*, 6(3), 183-187.
- Noradzimah, A. M., Roslan, S., Kamaruddin, I., & Azmi, A. H. (2021). Pelaksanaan Kapasiti Pedagogi Pembelajaran Bermakna (KPPB) dalam Pentaksiran Kerja Kursus Program PISMP di Institut Pendidikan Guru Kampus Ipoh (IPGKI). *Jurnal Penyelidikan Dedikasi*, 19(2), 45-61.
- Parimala, K. (2022). *Kesediaan dan Amalan Teknik Penyilaian Berdasarkan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Kalangan Guru Sekolah Rendah*. Tesis Sarjana. Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Ramli, S., Abdul Ghani, M. T., & Awang Hamat, M. Z. (2019). Keberkesanan Program Outbond Pelajar Ijazah Sarjana Muda Bahasa Arab Dengan Pendidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) Di Pusat Bahasa University Al Al-Bayt Mafraq Jordan [Effectiveness Of Outbound Programme For Students Of Bachelor In Arabic Language With Education Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) At The Language Centre Of University Al Al-Bayt Mafraq Jordan]. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 6(2), e-ISSN: 2289-8042.
- Samah, R., Isahak, A., & Ahmad, W. A. (2020). Amalan Guru Cemerlang Dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Bahasa dan Sastra Arab Mengikut Strategi Ibnu Khaldun. *Asia Pacific Journal of Educators and Education*, 37-54.
- Siti Salwa, M. N., Norasyikin, O., Nurazan M. R., Norhayati, C. H., Khoirun Nisak, M. S. (2021). Kemahiran bertutur Bahasa Arab luar kelas dalam kalangan penutur bukan asli bahasa Arab. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(2): 59-69.

Level of Mastery of Arabic Language Communication Skills among Students in Religious Secondary Schools in Kuala Muda District, Kedah Darul Aman

Zaini, A. R., Zakaria, N., Hamdan, H., Ghazali, M. R., & Ismail, M. R. (2019). Pengajaran Bahasa Arab Di Malaysia: Permasalahan Dan Cabaran. *Jurnal Pengajian Islam*, 47-57.